❤PENANG

16 - 30 JUN, 2025

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Demi kebajikan rakyat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**



RAKAMAN gambar kenangan Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Seri Law Choo Kiang (berjubah) bersama-sama Ketua Menteri dan barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) setelah Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 ditangguhkan di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan lebih RM1 bilion sejak beberapa tahun lepas untuk melaksanakan pelbagai program kebajikan yang memberi manfaat kepada rakyat negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa perbelanjaan tersebut adalah melibatkan pelaksanaan pelbagai program dan insentif sejak tahun 2018 sehingga tahun ini.

"Jumlah perbelanjaan paling tinggi adalah melibatkan program i-Sejahtera yang memfokuskan kepada ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya (OKU), anak emas, suri emas dan sumbangan pengurusan jenazah yang menelan belanja sebanyak RM370.45 juta.

"Manakala perbelanjaan kedua tertinggi sepanjang tempoh tersebut adalah melibatkan pakej bantuan rakyat Pulau Pinang (Penang Lawan COVID-19) bernilai RM174.52 juta.

"Selain itu, terdapat juga insentif dan elaun berkaitan pengangkutan yang diperkenalkan sepanjang tempoh tersebut, antaranya insentif pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah (RM11.06 juta), *BEST Bayan Lepas Free Industrial Zone* (RM4.35 juta), BEST Komtar (RM5.91 juta), Pas Mutiara (RM21.5 juta), Bas Percuma CAT (RM49.16 juta) serta subsidi tiket bagi tambang feri sebanyak RM1.03 juta.

"Kerajaan Negeri juga memberi peruntukan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah Mubaligh dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM69.09 juta sepanjang tempoh tersebut," katanya dalam Sesi Ucapan Penggulungan Exco sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 22 Mei lalu.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa berbelanjaan lain adalah termasuk Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP) berjumlah RM68.95 juta; projek pembangunan luar bandar (1,569 projek - RM50.98 juta) dan sumbangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta lain-lain persatuan berjumlah RM47.05 juta.

"Turut dilaksanakan adalah Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) melibatkan perbelanjaan RM27.78 juta; peruntukan bagi Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) berjumlah RM26.25 juta; bayaran pinjaman penuntut negeri Pulau Pinang (RM24.06 juta) serta peruntukan kepada guru agama, elaun guru KAFA dan penyelenggaraan kecil sekolah (RM19.54 juta).

"Termasuk dalam perbelanjaan ini adalah Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang (RM18.63 juta); bantuan pendaftaran pelajar ke institusi pengajian tinggi (iBITA - RM17.76 juta); bantuan nelayan (RM7.24 juta); bantuan pembangunan pemerkasaan gerakan koperasi negeri Pulau Pinang (RM1.40 juta); insentif pelajar cemerlang (RM1.31 juta) dan elaun penarik beca (RM1.20 juta)," jelasnya.

# Permohonan selaras Perlembagaan Persekutuan

**GEORGE TOWN –** Permohonan pendahuluan sebanyak RM100 juta kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada tahun 2024 adalah untuk menampung unjuran defisit Kerajaan Negeri bagi tahun semasa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa permohonan tersebut adalah selaras dengan ketetapan Perkara 109 (6) Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk membantu Kerajaan Negeri.

"Dengan penyaluran pendahuluan tersebut, MOF akan mengurangkan *(off set)* jumlah pemberian kepada Kerajaan Negeri.

"Pengurangan adalah melibatkan empat pemberian iaitu Pemberian Mengikut Kepala, Bayaran Perkhidmatan, Senarai Bersama dan Pemberian TAHAP pada tahun 2027 sebanyak RM33 juta, tahun 2028 (RM33 juta) dan tahun 2029 (RM34 juta)," katanya sebagai menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah Gooi Hsiao-Leung dalam Sesi Ucapan Penggulungan Exco sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini 22 Mei lalu.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa bagi memastikan jumlah pendahuluan adalah selari dengan *off set* MOF, Kerajaan Negeri akan mula mengiktiraf pendahuluan tersebut sebagai Terimaan Bukan Hasil.


CHOW Kon Yeow.

"Jumlah ini merangkumi terimaan bukan hasil pada tahun 2027 sebanyak RM33 juta, tahun 2028 (RM33 juta) dan tahun 2029 (RM34 juta)," ujarnya.

## Tambakan Pulau Silikon tidak libat pengambilan balik tanah

**GEORGE TOWN –** Setakat 30 April 2025, seluas 150 ekar tanah daripada 2,300 ekar atau hampir 6.5 peratus projek Pulau Silikon telah ditambak sejak kerja penambakan bermula pada September 2023.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa jumlah keluasan keseluruhan Pulau Silikon adalah sebanyak 2,300 ekar, dan kerja-kerja penambakan terbahagi kepada dua fasa.

"Fasa pertama adalah melibatkan kerja-kerja tebus guna tanah seluas 1,260 ekar manakala fasa dua bakal melibatkan baki 1,040 ekar.

"Tempoh penambakan akan mengambil masa 10 hingga 15 tahun untuk disempurnakan,'' katanya pada Sesi Soal Jawab Lisan, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-15 di sini pada 20 Mei 2025.

Mengulas lanjut, Zairil menyatakan bahawa projek tambakan Pulau Silikon tidak melibatkan sebarang pengambilan balik tanah


ZAIRIL Khir Johari.

kerana kerja-kerja penambakan dilakukan di kawasan laut.

Namun begitu, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga menyatakan bahawa pembinaan projek Lebuhraya Pan-Island Link 2A (PIL2A) Fasa 1 yang menghubungkan Batu Maung dengan Pulau Silikon terlibat dengan proses pengambilan tanah di kawasan Permatang Damar Laut dengan melibatkan 13 lot tanah, rumah kediaman (17), premis perniagaan (2), rumah kebajikan (1) dan rumah ibadat (1).

"Pengambilan tanah tersebut telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 8 Mei 2024, dan diwartakan pada 11 Julai 2024 di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960.

"Kesemua pemilik/pihak berkepentingan ke atas tanah, struktur dan bangunan telah menerima bayaran pampasan sewajarnya selepas penilaian menyeluruh daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) serta melalui proses siasatan bersama Pentadbir Tanah Daerah pada bulan Disember 2024.

"Majoriti pihak berkepentingan telah menerima jumlah pampasan melebihi RM1.5 juta bagi setiap lot tanah, manakala tiga individu telah menerima bayaran *ex-gratia* masing-masing sebanyak RM43,500 yang mana jumlah keseluruhan pampasan yang terlibat bagi projek PIL2A adalah RM24,154,948.73 serta bayaran *ex-gratia* sebanyak RM130,500.00,'' jelasnya sebagai menjawab soalan ADUN Teluk Bahang, Muhamad Kasim.

## Pengeluaran pasir berhampiran Pulau Betong di luar perairan negeri

**GEORGE TOWN –** Berdasarkan semakan, didapati tapak yang dikesan dengan aktiviti pengeluaran pasir berhampiran Pulau Betong adalah terletak di luar perairan negeri Pulau Pinang iaitu melebihi tiga batu nautika dan termasuk di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa lesen mengeluarkan pasir bagi tapak berkaitan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG).

"Berdasarkan rekod terkini JKPTG, terdapat empat pelesen yang telah diluluskan lesen di bawah Akta Pelantar Benua (APB) 1966 di kawasan luar perairan negeri Pulau Pinang, namun, pada masa ini, tiada pelesen di kawasan luar perairan negeri Pulau Pinang yang sedang/aktif beroperasi.

"Kini, pelesen di bawah APB 1966 yang aktif/sedang beroperasi menghantar pasir ke beberapa projek penambakan di Pulau Pinang adalah tiga pelesen di kawasan luar perairan negeri Perak,'' jelasnya bagi menjawab soalan daripada Ketua Pembangkang dalam Sesi Ucapan Penggulungan Exco sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 22 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa bekalan pasir untuk Pulau Silikon adalah diambil dari pelantar benua di luar perairan negeri Perak yang mana tapak berkaitan telah diluluskan oleh JKPTG serta memiliki kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan pengeluaran pasir.

"Adalah ditegaskan bahawa projek Pulau Silikon tidak mengambil bekalan pasir daripada sumber lain selain kawasan yang diluluskan.

"Malah, bagi menjawab cabaran YB Ketua Pembangkang berkenaan sama ada saya atau wakil Kerajaan Negeri berani untuk turun padang berjumpa dengan para nelayan di Selatan pulau Pulau Pinang, saya ingin maklumkan bahawa saya bermula dengan projek *Penang South Islands* (PSI) yang kini dikenali sebagai Pulau Silikon ini daripada zaman saya menjadi Exco Kerajaan Tempatan dan Tebatan Banjir.

"Saya telah turun padang sejak awal tahun 2016 pada permulaan projek untuk mendengar suara komuniti tempatan termasuk nelayan, dan Kerajaan Negeri dengan bantuan Rakan Pelaksana Projek (PDP) (kini melalui syarikat usaha sama Kerajaan Negeri iaitu *Silicon Island Development Sdn. Bhd.* yang diwakili pegangan anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu *Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.*) telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) di tiga lokasi sejak 2016 iaitu di Permatang Damar Laut, Gertak Sanggul dan Sungai Batu,'' ujarnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menjelaskan bahawa dua daripada PPSN tersebut iaitu di Gertak Sanggul dan Sungai Batu telah dirasmikan olehnya sendiri bagi memberi peluang kepada komuniti setempat termasuk para nelayan dapat berjumpa serta berbicara dengan pihak-pihak berkaitan.

"Tambahan lagi, pelbagai forum awam juga telah diadakan bersama-sama dengan penduduk Pulau Pinang sebagai platform untuk mereka bersuara.

"Saya juga pernah turun untuk penyerahan bakul makanan sewaktu zaman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan penularan wabak COVID-19 pada April 2020,'' ulasnya lanjut.

Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Ke-15

# Catat *surplus* RM65.3 juta

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Sehingga 31 Mac tahun ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencatatkan jumlah pendapatan bernilai RM268,463,025.36 dan perbelanjaan sebanyak RM203,189,122.16, dengan RM65,273,903.20 *surplus*.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan perkara itu dalam Sesi Soal Jawab Lisan, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-15 di sini pada 16 Mei 2025.

Di samping itu, Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi turut menjelaskan sebab musabab kurangan kewangan berjumlah RM174.09 juta pada akhir tahun lepas iaitu lebih rendah berbanding tahun 2023 (RM358.80 juta).

"Kurangan ini adalah disebabkan hasil diperoleh adalah berjumlah RM810.46 juta berbanding perbelanjaan mengurus berjumlah RM719.55 juta dan pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM265 juta.

"(Pun begitu,) Kerajaan Negeri telah menerima pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM100 juta bagi menampung aliran tunai yang antaranya menyumbang kepada peningkatan Akaun Amanah Disatukan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan Exco dan kepimpinan Kerajaan Negeri melangkah keluar dari Dewan persidangan pada hari terakhir Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 ke-15 di sini baru-baru ini.**

Menjawab soalan ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik, Kon Yeow menjelaskan bahawa Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2024 yang belum diaudit menunjukkan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM1,384.74 juta berbanding RM1,466.04 juta pada tahun 2023 dengan merangkumi Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM155.94 juta dan Akaun Amanah Disatukan (RM1,228.89 juta).

Menurut beliau, Akaun Hasil Disatukan menurun sebanyak RM174.09 juta berbanding tahun 2023, manakala, Akaun Amanah Disatukan meningkat sebanyak RM92.79 juta berbanding tahun 2023.

# Cadangan kerja-kerja pemulihan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong diluluskan

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan kerja-kerja pemulihan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ) dan pelan tambakan laut seluas 70 ekar.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye berkata bahawa kelulusan berkaitan diberikan selepas mengambil kira keadaan struktur TPSJ yang tidak selamat kerana ia merupakan bekas tapak pembuangan sampah secara terbuka.

Merujuk isu pewartaan *Middle Bank* yang terletak di lokasi berhampiran pula, Mooi Lye menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tiada halangan untuk mewartakan semula lokasi berkaitan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) apabila projek pembangunan di sekitar kawasan tersebut telah selesai dilaksanakan.

"Sekiranya projek ini dibatalkan, ia akan memberi imej negatif kepada Kerajaan Negeri dan berkemungkinan akan kehilangan peluang untuk menjana pendapatan melalui pembangunan semula kawasan tersebut, termasuk potensi pembangunan komersial dan perumahan serta hal kebajikan nelayan," ujarnya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon ketika menggulung perbahasan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini baru-baru ini.



**JASON H'ng Mooi Lye.**

# Inisiatif Beras Cap Feri capai sasaran

Oleh : **NORASHIKIN ISMAIL**

**GEORGE TOWN** - Salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan beras tempatan berjenama sendiri adalah bagi menjamin pembekalan makanan di negeri ini berjaya direalisasikan.

Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol berkata bahawa tujuan inisiatif tersebut dilancarkan adalah bagi membantu golongan keluarga berpendapatan rendah (B40) dan ke bawah untuk mendapatkan barangan keperluan asas pada harga yang berpatutan.

"(Dan) salah satu kaedahnya adalah dengan pengeluaran beras berjenama sendiri iaitu Beras Cap Feri, yang pastinya mampu milik dan sedikit sebanyak akan mewujudkan pilihan lain untuk golongan petani menjual hasil padi masing-masing dengan harga lebih tinggi.

"Harga beras yang dijual dalam Jualan Rahmah adalah RM15 dengan subsidi kerajaan, manakala Beras Cap Feri dijual pada harga RM15 di Jualan Agro Madani tanpa subsidi, dan kos pengeluaran juga ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

"Ia berjaya mencapai sasaran untuk membantu kira-kira 48,000 individu dalam tempoh tiga hingga empat bulan," jelasnya dalam sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 21 Mei 2025.

Mengulas lanjut, Fahmi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak turut memaklumkan bahawa terdapat beberapa syarikat operator pengeluar yang tidak memberi kerjasama sehingga perlu membuat tapisan semula lantikan syarikat bersesuaian.

"Justeru, rundingan telah dilakukan dengan Syarikat Meera Sahib Sdn. Bhd. yang merupakan operator Beras Cap Feri terkini, dan sekiranya terdapat mana-mana ADUN yang berminat untuk memasarkan produk ini, saya amat mengalu-alukan pendekatan tersebut dengan menghubungi pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi penghantaran," jelasnya lanjut.



**FAHMI Zainol.**

# Paip gas milik Petronas sepanjang 42km

**GEORGE TOWN** – Kejadian letupan dan kebakaran paip gas di Putra Heights pada 1 April lepas yang membawa anggaran kerugian berjumlah RM65.4 juta, turut dibincangkan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-15 pada 19 Mei lalu.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari memberitahu bahawa Pulau Pinang turut menjadi laluan saluran paip gas utama *Peninsular Gas Utilization* (PGU) milik Petroliam Nasional Berhad (Petronas) serta dioperasi oleh PETRONAS Gas Berhad (PGB) sepanjang 42 kilometer (km).

"Panjang saluran paip gas utama PGU di Pulau Pinang (iaitu) dari selatan ke utara adalah kira-kira 42km yang melalui kawasan dari sempadan Sungai Kerian, Parit Buntar – Relau – Machang Bubuk – Mengkuang – Ara Kuda – Kampung Selamat – Pinang Tunggal, sebelum melintasi Sungai Muda untuk jajaran ke Kedah," jelasnya yang juga ADUN Tanjong Bunga di sini.

Di samping itu, beliau turut menjelaskan bahawa jajaran sisi yang berhubung dengan paip gas utama PGU adalah sepanjang 23km yang membekalkan gas asli kepada Stesen Janakuasa Prai, Stesen Janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) Perai dan seterusnya ke Stesen Janakuasa TNB Gelugor.

"Permohonan untuk penyediaan utiliti khususnya paip gas bawah tanah adalah melalui dua kaedah iaitu pemberimilikan atau kebenaran izin lalu," ujarnya sebagai menjawab Soalan Bertulis ADUN Sungai Puyu, Phee Syn Tze.

Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Ke-15

# Pengubalan akta mudahkan pelaksanaan projek pembaharuan semula bandar

**GEORGE TOWN -** Di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mutiaraku (RMku), Kerajaan Negeri telah meluluskan beberapa projek perintis termasuk Pembaharuan Semula Bandar (PBS) Padang Tembak yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo berkata bahawa projek-projek perintis tersebut lebih mudah dilaksanakan jika Rang Undang-Undang (RUU) Pembaharuan Semula Bandar dibentangkan pada bulan Julai nanti.

"Pengubalan akta ini diyakini dapat memudahkan pelaksanaan projek-projek pembaharuan semula bandar, di samping melindungi hak-hak pemilik sedia ada secara lebih berkesan," jelasnya dalam Sesi Penggulungan Exco sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 21 Mei 2025.


**S. Sundarajoo.**

Dalam perkembangan lain, Sundarajoo menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sebelum ini telah meluluskan pemberimilikan tanah kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) seluas 27.59 ekar dengan tempoh pajakan 60 tahun mulai 2007.

Selari dengan tujuan asal pemberimilikan tanah itu, beliau memberitahu bahawa agensi Persekutuan tersebut perlu meneruskan program penempatan semula nelayan di Kuala Juru.

"Susulan kunjungan hormat saya bersama-sama YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, (Gooi Hsiao-Leung) dan wakil LPNPP, kos serta reka bentuk awalan telah disediakan oleh pihak lembaga (LPNPP) sebagai input kepada LKIM Negeri Pulau Pinang untuk pertimbangan lanjut oleh ibu pejabat utama," ujarnya yang juga ADUN Perai.

# Exco bidas kekeliruan, tolak pembinaan projek asrama pekerja

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye membidas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohamad Shukor Zakariah kerana membantah cadangan pembinaan projek Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) di negeri ini.

Mooi Lye berkata bahawa projek yang bakal menempatkan kira-kira 32,000 pekerja asing yang dirujuk oleh Mohamad Shukor adalah tidak relevan memandangkan ia sudah dibatalkan oleh pemaju pada Mei tahun lepas.

Kata ADUN Jawi itu lagi, wakil pembangkang berkenaan sepatutnya membuat *'home work'* terlebih dahulu sebelum membangkitkan isu tersebut dalam persidangan Dewan.

"Pemaju membuat keputusan untuk membatalkan projek itu pada Mei tahun lepas dan keputusan tersebut telah diumumkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang lalu.

"Saya tidak boleh nyatakan beliau hadir ke sidang DUN atau tidak tetapi maklumat mengenai projek itu telah dijelaskan dan boleh dijadikan rujukan sekiranya masih ada yang kurang jelas mengenainya," katanya dalam Sesi Soalan Lisan, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini 21 Mei lalu.

Dalam sesi soalan tambahan sebelum itu, Mohamad Shukor bertanya Pihak Berkuasa Negeri mengenai jumlah penduduk setempat yang bersetuju dengan projek CLQ dengan anggaran kapasiti 30,000 pekerja asing, serta mempersoalkan impak negatif projek tersebut.

Dalam reaksi spontan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menjelaskan bahawa Mohamad Shukor telah terkeliru apabila membangkitkan mengenai projek yang telah ditarik balik oleh pemaju sendiri.

Ketua Menteri berkata demikian ketika memberi penjelasan mengenai kekeliruan ADUN pembangkang mengenai projek asrama pekerja.

"Sebenarnya pada peringkat awal, ada dua permohonan iaitu projek yang menempatkan 32,000 pekerja tetapi telah ditarik balik dan satu lagi projek memuatkan 7,000 pekerja yang diluluskan," katanya.

Menyambut ucapan dalam sesi soalan lisan, Mooi Lye menegaskan bahawa semua projek pembinaan asrama pekerja telah melalui penilaian yang ketat oleh pihak berkuasa negeri termasuk melaksanakan laporan Penilaian Impak Sosial (SIA).

"Hanya selepas memenuhi semua kriteria sahaja boleh mendapatkan kelulusan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri," jelasnya.

Moo Lye turut mempertahankan keputusan Kerajaan Negeri meneruskan projek tersebut yang dijangka memberikan lebih banyak kebaikan berbanding keburukan kerana pekerja asing kini hidup secara berselerak di kawasan-kawasan perumahan di negeri ini.


**JASON H'ng Mooi Lye.**

"Keadaan ini cenderung menimbulkan masalah sosial dan kacau ganggu, sebaliknya pembinaan CLQ akan membantu pihak berkuasa dalam menguruskan warga asing yang ada di negeri ini," katanya.

Terdahulu, Mooi Lye turut mendedahkan bahawa pada masa ini, terdapat sembilan projek asrama pekerja dalam proses pembinaan di negeri ini dan tujuh daripadanya telah mendapat kebenaran merancang.

Selain itu, ketika ini terdapat 279 unit bangunan di negeri ini diluluskan untuk dijadikan penginapan pekerja sementara (TLQ) yang kebanyakannya terletak di kawasan perumahan.

Di kawasan Seberang Perai pula, sebanyak 714 unit bangunan telah mendapat permit TLQ yang terdiri daripada 571 unit komersial, manakala yang lain termasuk hotel (7), kilang (78) dan bangunan kediaman (58).

## Langkah proaktif tangani isu pencemaran Pantai Esen

**GEORGE TOWN -** *Silicon Island Development Sdn. Bhd.* (SIDSB) selaku pemaju projek Pulau Silikon yang dilantik oleh Kerajaan Negeri hari ini telah melaksanakan analisis tambahan berkaitan kualiti air laut, susulan menerima aduan pencemaran di Pantai Esen.

Hasil analisis tersebut, Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo berkata didapati paras nitrat di kawasan terbabit adalah sangat tinggi, dan dipercayai berpunca daripada pencemaran dari kawasan hulu sungai khususnya akibat pembuangan air kumbahan domestik serta air basuhan tidak terawat secara tidak sempurna.

"Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang akan melaksanakan Program Sungai Hijau yang bertujuan memulihkan kualiti air sungai dari kawasan hulu (supaya kembali) dalam keadaan baik.

"Kerajaan Negeri melalui SIDSB juga telah melantik seorang perunding alam sekitar iaitu Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd. bagi menjalankan kajian menyeluruh dan mengemukakan cadangan (dalam bentuk) langkah-langkah mitigasi yang bersesuaian bagi jangka masa pendek serta panjang," jelasnya semasa berucap dalam Sesi Penggulungan Exco sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 21 Mei 2025.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai itu lagi, SIDSB juga turut mengambil langkah-langkah proaktif lain termasuk menjalankan kerja-kerja pembersihan secara manual di kawasan pantai yang terjejas, di samping menganjurkan sesi libat urus dengan penduduk lokal serta para pemegang taruh berwajib.

"Pemantauan terhadap pelaksanaan tindakan ini sedang dikendalikan secara rapi oleh Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB) iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawab sebagai agensi pelaksana dan pemantau utama negeri berkaitan.

Terdahulu, ADUN Sungai Dua merangkap Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Muhammad Fauzi Yusoff dan ADUN Sungai Bakap, Abidin Ismail meminta Sundarajoo menjelaskan isu pencemaran Pantai Esen serta status ketelusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang diperoleh bagi projek Kerajaan Negeri sebelum ini.



DR. Mohamad Abdul Hamid.

# Kenaikan RM200 elaun guru KAFA bermula Julai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kenaikan elaun guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) sebanyak RM200 sebagaimana diumumkan dalam Majlis Himpunan Guru KAFA Pulau Pinang pada Mei lalu akan mula berkuat kuasa pada Julai 2025.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa selain elaun, Kerajaan Negeri juga setuju memberikan bayaran sumbangan cuti bersalin kepada guru KAFA wanita sebanyak RM1,100 sebulan selama dua bulan bermula Jun 2025.

"Melalui pengumuman tersebut, elaun bulanan Guru KAFA dinaikkan daripada RM1,300 kepada RM1,500, manakala Guru Besar KAFA turut menerima kenaikan elaun daripada RM1,350 kepada RM1,600.

"Kerajaan Negeri turut memperkenalkan inisiatif sumbangan cuti bersalin sebanyak RM1,100 sebulan untuk dua bulan kepada guru KAFA wanita yang diluluskan cuti bersalin, sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan mereka.

"Kenaikkan ini melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM4.2 juta daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM8.5 juta," katanya pada sesi Penggulungan Exco sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 21 Mei lalu.

Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung berkata, kenaikan tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam memartabatkan kebajikan warga pendidik KAFA.

"Kerajaan Negeri juga akan terus menilai kenaikan elaun ini dari semasa ke semasa bergantung pada kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri.

"Usaha ini selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam menjayakan Agenda Pembangunan Agama Islam (APAI 2030) Negeri Pulau Pinang serta memperkukuh dasar ke arah merealisasikan Visi Penang2030 sebagai sebuah negeri pintar, hijau dan berteraskan keluarga," ujarnya yang juga Yang Dipertua MAINPP.

# Industri halal terus catat pertumbuhan memberangsangkan

**GEORGE TOWN –** Industri halal di negeri ini terus mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan, sekali gus meletakkan Pulau Pinang sebagai pemain utama di pentas antarabangsa.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid menyatakan bahawa pencapaian Pulau Pinang dalam pensijilan halal dan pembangunan industri berkaitan kini semakin meningkat, khasnya dari segi pengiktirafan antarabangsa serta impak ekonomi.

"Salah satu petunjuk utama pertumbuhan ini ialah peningkatan ketara dalam jumlah syarikat yang diperakui di bawah skim Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

"Pada 2019, Pulau Pinang merekodkan 1,275 pemegang SPHM, manakala menjelang 2024, jumlah itu meningkat kepada 1,935 dengan peningkatan sebanyak 660 entiti.

"Peningkatan bilangan pemegang SPHM telah memberi kesan signifikan dari sudut nilai eksport produk halal ke luar negara.

"Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), eksport produk halal Pulau Pinang melonjak 36.4 peratus pada 2024, berjumlah RM20.5 bilion berbanding RM11.5 bilion (23.4 peratus) pada 2023.

"Angka-angka ini mengesahkan peranan penting pensijilan SPHM yang membolehkan produk-produk usahawan di Pulau Pinang dieksport bagi menembusi pasaran antarabangsa seperti di Dubai dan Timur Tengah," katanya pada sesi Penggulungan Exco sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 21 Mei lalu.

Mohamad berkata, kestabilan dan kemudahan ekosistem halal di Pulau Pinang juga telah berjaya menarik minat pelabur dari luar dan dalam negara, khususnya dalam sektor makanan dan minuman, kosmetik, farmaseutikal dan bahan kimia industri.

"Penurunan tempoh pemprosesan SPHM daripada 90 hari kepada 30 hari bekerja bermula November tahun lalu turut mempercepatkan kemasukan syarikat ke dalam ekosistem halal yang diiktiraf.

"Ini sekali gus membuka peluang lebih luas kepada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk melabur dalam industri halal Pulau Pinang yang semakin berkembang pesat.

"Dengan infrastruktur yang kukuh, sokongan kerajaan dan pertumbuhan syarikat bertaraf antarabangsa, Pulau Pinang berada pada landasan yang tepat untuk menjadi hab halal utama di Asia Tenggara," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

# MAINPP lulus pembangunan Rumah Persaraan Mandiri Warga Emas

**GEORGE TOWN –** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah meluluskan satu lagi pembangunan Rumah Persaraan Mandiri Warga Emas di atas tanah Baitulmal seluas 10 ekar di Pongsu Seribu, Seberang Perai Utara.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa projek tersebut dibangunkan dengan kerjasama Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) melalui anak syarikatnya, KWEST membabitkan peruntukan RM200 juta.

"Projek perintis ini akan menempatkan 290 unit kediaman warga emas, termasuk rumah teres setingkat dan pangsapuri, bersama dengan kemudahan surau, dewan serbaguna, bilik seminar, pusat sumber, dan gimnasium.

"Projek ini dirancang sebagai pembangunan mampan berkonsepkan *'senior independent living'* yang bukan sahaja menyediakan kediaman yang selesa, tetapi turut berfungsi sebagai pusat pembelajaran agama dan aktiviti komuniti.

"Dengan peruntukan sebanyak RM200 juta seperti diumumkan dalam Belanjawan 2025, projek ini dijangka menjadi model pembangunan warga emas moden dan berdaya saing yang menyokong agenda *'silver economy'* di negeri ini.

"Inisiatif ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan kesejahteraan warga emas terus diberi keutamaan di bawah Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI2030)," katanya dalam Sesi Soalan Lisan, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 21 Mei lalu.

Mohamad berkata, Pembangunan Rumah Persaraan Mandiri Warga Emas adalah kesinambungan kepada inisiatif perlindungan warga emas melalui pengoperasian Rumah Warga Emas Darul Hanan iaitu sebuah pusat penjagaan yang ditubuhkan dengan pembiayaan Yayasan Bukhary dan beroperasi di atas tanah milik MAINPP.

"Kompleks ini menawarkan jagaan 24 jam, perkhidmatan kesihatan dan bimbingan rohani, serta pelbagai aktiviti rekreasi yang menyokong kesejahteraan fizikal dan mental.

"Objektifnya bukan sahaja untuk memberi perlindungan dan penjagaan terbaik, malah membentuk warga emas yang terus aktif dan berperanan dalam masyarakat selaras dengan konsep pendidikan sepanjang hayat berlandaskan nilai-nilai Islam," katanya.

## Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Ke-15

# Pelancongan catat prestasi cemerlang

**GEORGE TOWN** - Industri pelancongan Pulau Pinang kini kian menunjukan pemulihan yang memberangsangkan serta mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding tahun pra pandemik COVID-19.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai memberitahu bahawa berdasarkan data terkini *Tourism Malaysia* menunjukkan pada tahun 2024, sejumlah 8,237,072 pelancong direkodkan telah menginap di hotel-hotel di seluruh negeri, berbanding 6,389,996 pelancong pada tahun 2019 dengan jurang peningkatan kira-kira 28.9 peratus.

"Angka ini mencerminkan lonjakan ketara dalam sektor penginapan dan mengesahkan minat yang semakin meningkat terhadap destinasi pelancongan ini," jelasnya semasa berucap dalam Sesi Penggulungan Exco sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 21 Mei 2025.

Selain itu, beliau turut memberitahu bahawa Bukit Bendera yang dianggap antara tarikan utama pelancong ke negeri ini turut mencatatkan peningkatan dari segi jumlah pengunjung.



WONG Hon Wai.

"Bagi suku pertama tahun 2025, seramai 426,308 pengunjung telah direkodkan, melebihi jumlah 421,027 orang pada tempoh sama tahun 2019.

"Ini merupakan peningkatan sebanyak 1.3 peratus (yang mana) bersamaan 5,281 pengunjung tambahan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Berdasarkan dua indikator tersebut, beliau berkata sekali gus mencerminkan keberkesanan strategi pemulihan pelancongan yang dilaksanakan Pihak Berkuasa Tempatan, serta keyakinan pelancong terhadap Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pilihan.




SPEAKER, Dato' Seri Law Choo Kiang (dua dari kiri) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon menunjukkan sokongan kepada Pameran Rizab Biosfrera Bukit Bendera yang diadakan pada 19 hingga 21 Mei 2025 di luar bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.





GW 上林苑 GOODWOOD RESIDENCE

5% Diskaun untuk Bumiputera

Harga Min RM797,648.00

Harga Mak RM1,010,589.00



Keluasan Binaan
1,075 k.p.s (min) – 1,250 k.p.s (mak)

Nama Pemaju:
**Definite Harmony Development Sdn Bhd** 965973-P (201101037839)
Lot 1361, Mukim 15, Jalan Rozhan Alma
14000 Mukim 15, Pulau Pinang
**Tel: 04-551 1133**
**H/P: 016-413 2333**

Pemaju: Definite Harmony Development Sdn bhd (965973-P) • No. Lesen Pemaju Perumahan: 20216/01-2029/1455(A) • Tempoh Sah Lesen: 04/01/2024-03/01/2029 • No. Permit Iklan & Jualan: 20216-1/01-2026/0903(R)-(S) • Tarikh Sah: 04/01/2024 Sehingga 03/1/2029 • Kelulusan Pihak Berkuasa: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB11558/20(LB) • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2025 • Pegangan Tanah: Kekal • Bebanan (Gadaian) Tanah: CIMB Islamic Bank Berhad • Jenis Kediaman: Pangsapuri • Jumlah Unit Rumah 260 Unit • Harga Jualan: Harga Minima RM797,648.00 Harga Maksima RM1,010,589.00 • 5% Diskaun Untuk Bumiputera

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga DUN Ke-15

# Perkasa TVET dan STEM demi masa depan ekonomi teknologi tinggi

Oleh : **NUR BATRISYIA IDRUS**



JAGDEEP Singh Deo.

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited memperkasa landskap pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) serta Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sebagai tonggak utama pembangunan modal insan selari dengan transformasi negeri menuju ekonomi berteraskan teknologi tinggi.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap Exco Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa Pulau Pinang kini bersedia menggalas peranan sebagai peneraju utama dalam pembangunan bakat berketerampilan tinggi untuk industri semikonduktor dan teknologi global.

"Pelaburan strategik dalam bidang pendidikan dan latihan TVET serta STEM akan terus dipertingkatkan secara menyeluruh dengan sokongan padu daripada sektor awam dan swasta.

"Ia sejajar dengan Visi Penang2030 ke arah negeri pintar dan Sejahtera," ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini 22 Mei lalu.

Menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri telah merekodkan kejayaan melahirkan seramai 46,036 graduan TVET luar bandar dengan kadar kebolehpasaran melebihi 90 peratus sejak tiga tahun lalu.

"Inisiatif seperti empowerNCER, eKelas Maxis serta biasiswa penuh pendidikan tinggi menjadi tonggak utama dalam membina mobiliti sosial bagi komuniti terpinggir", jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri juga giat menjalinkan kerjasama bersama syarikat-syarikat teknologi gergasi seperti *Intel, Bosch, Jabil* dan *ViTrox* melalui program perantisan dan *Train & Place*, di samping memperkukuh kurikulum TVET melalui piawaian *National Occupational Skills Standards* (NOSS) dan input langsung daripada pemain industri.

"Melalui strategi STEM Future-Proofing dan Penang STEM Talent Blueprint, negeri ini menumpukan kepada penciptaan nilai, pelaburan holistik dan transformasi sistem pendidikan yang sejajar dengan keperluan ekonomi abad ke-21," ulasnya lanjut.



# Jelajah Manfaat Rakyat dekati rakyat perlu

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SUNGAI PINANG** - Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim memperkenalkan inisitif baharu dikenali 'Jelajah Manfaat Rakyat' sebagai usaha menjejak golongan kurang bernasib baik dan miskin tegar.

Menurut beliau, program berkaitan adalah bersifat turun padang secara fizikal oleh beliau sendiri bersama-sama jabatan kerajaan bagi mendekati rakyat yang memerlukan perhatian kebajikan.

"Objektif utama jelajah ini adalah untuk meneliti keperluan sebenar rakyat pada peringkat akar umbi serta memastikan polisi kebajikan Kerajaan Negeri benar-benar bersifat inklusif dan responsif.

"Melalui siri jelajah ini, saya dapat menyaksikan secara langsung bahawa setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) mempunyai cabaran serta keperluan kebajikan yang berbeza.

"Ada kawasan yang memerlukan tumpuan khusus terhadap isu warga emas dan orang kurang upaya (OKU), manakala kawasan lain berhadapan dengan isu kehilangan punca pendapatan, kekurangan perumahan serta cabaran dalam aspek penjagaan kesihatan dan pendidikan anak-anak," ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini 21 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Siew Khim memberitahu bahawa setiap sesi Jelajah Manfaat Rakyat bukan sekadar lawatan, malah juga menjadi platform perbincangan mendalam bersama pemimpin setempat, termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), ketua komuniti seperti Majlis Pengurusan Komuniti & Kampung (MPKK), Jawatankuasa Pembangunan Wanita & Keluarga (JPWK) dan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP).

"Saya yakin pendekatan turun padang dan mendekati rakyat secara langsung adalah kunci utama bagi memastikan setiap inisiatif kebajikan negeri benar-benar sampai kepada mereka yang memerlukan.

"Jelajah Manfaat Rakyat bukan hanya sebuah program, tetapi satu budaya kerja baharu yang berpaksikan empati, kehadiran dan penyelesaian," jelas ADUN Sungai Pinang itu lagi.

Pada awal Mei 2025, Siew Khim bersama-sama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama ADUN Pinang Tunggal, Bukhori Ghazali telah membawa program berkenaan ke kawasannya.

Sebanyak tujuh rumah telah diziarahi dan beberapa isu utama seperti permohonan bantuan membaiki rumah, penyelesaian masalah banjir serta keperluan rawatan perubatan telah dikenal pasti untuk tindakan susulan.

# eRIBI permudah mohon peruntukan

Oleh : **M. DANESWARAN**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenalkan sistem eRIBI (Rumah Ibadat Bukan Islam) dalam memudahkan permohonan peruntukan.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata bahawa usaha berkaitan bertujuan memastikan komuniti agama menerima layanan yang adil serta akses kepada kemudahan ibadat secara bermaruah.

"Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta sehingga tahun 2028 untuk memenuhi keperluan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), dengan RM2.5 juta disalurkan pada setiap tahun.

"Sistem permohonan bantuan kini dipermudahkan melalui eRIBI, sebuah platform digital yang membolehkan pengurusan permohonan dilakukan secara dalam talian.

"Kerajaan Negeri turut berhasrat untuk menjadikan eRIBI sebagai pusat sehenti yang lebih komprehensif, termasuk fungsi audit dan dokumentasi digital bagi memastikan integriti data serta mempermudah penyelarasan maklumat," katanya semasa menjawab Soalan Lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Amir Hamzah Abdul Hashim, sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini baru-baru ini.

Mengulas isu penyediaan tanah untuk RIBI di Ampang Jajar, Siew Khim memaklumkan bahawa 31 plot telah ditawarkan kepada persatuan yang berkelayakan.

"Sebanyak 20 persatuan telah menandatangani perjanjian dan memulakan proses penyediaan pelan bangunan, sementara persatuan lain diberikan tempoh sehingga 31 Mei 2025 untuk melengkapkan perjanjian mereka.

"Jawatankuasa Penyelarasan RIBI turut memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu teknikal dan sosial, termasuk kesan pembangunan seperti projek LRT Laluan Mutiara.

"Jawatankuasa khas akan diwujudkan untuk mencari penyelesaian terbaik bagi isu lokasi semula rumah ibadat yang terjejas," tambahnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang.

Beliau dalam itu turut memberi jaminan bahawa tapak rumah ibadat yang mempunyai nilai sejarah akan dipertimbangkan untuk diwartakan sebagai tapak warisan.

"Kerajaan Negeri menyeru semua pihak berkepentingan untuk menyokong usaha ini agar keharmonian antara agama terus terpelihara demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang," ujarnya.



LIM Siew Khim.

# SPH manfaat usahawan mikro



RASHIDI Zinol.

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**

**GEORGE TOWN** – Seramai 4,387 usahawan mikro di negeri ini telah menerima manfaat daripada Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.

Exco Perdagangan dan Pembangunan Keusahawanan & Luar Bandar, Dato' Rashidi Zinol berkata bahawa SPH merupakan program kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dalam menawarkan pinjaman perniagaan kepada usahawan mikro di sekitar Pulau Pinang.

"Mengambil kesempatan ini, saya ingin menguar-uarkan mengenai SPH yang boleh dijadikan sebagai modal tambahan kepada usahawan mikro di sekitar Pulau Pinang.

"Bermula dari tahun 2008 sehingga 30 April 2025, SPH telah menyalurkan bantuan pinjaman kewangan sebanyak RM32.46 juta kepada 4,387 usahawan mikro di seluruh negeri Pulau Pinang dengan bayaran balik sebanyak 90 peratus," jelasnya dalam sesi penggulungan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 21 Mei 2025.

Dalam perkembangan lain, Rashidi memberitahun bahawa Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) dijangka berterusan di seluruh negeri sehingga Disember 2025 ini.

"Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan PJRM sebanyak dua kali sebulan bagi setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dan Parlimen sebagai inisiatif membantu golongan keluarga berpendapatan rendah (B40) dan ke bawah mendapatkan barangan keperluan asas pada harga yang berpatutan.

"(Dan) untuk makluman, PJRM ini menawarkan harga potongan bermula daripada 10 sehingga 30 peratus lebih berpatutan daripada harga pasaran biasa, dan setakat 18 Mei 2025, sebanyak 704 kali (PJRM) telah diadakan di setiap KADUN," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh.

# Sokongan kepada pesakit buah pinggang diperluas

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus memperkukuh sokongan kepada pesakit buah pinggang melalui kerjasama erat dengan agensi Persekutuan dan swasta.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Gooi Zi Sen memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana bagi membantu pesakit buah pinggang termasuk melalui subsidi dan kerjasama pelbagai pihak.

"Melalui Kementerian Kesihatan (KKM), pesakit menerima subsidi berjumlah RM100 bagi setiap rawatan dialisis, sehingga 14 sesi sebulan.

"Selain itu, subsidi suntikan hemodialisis setiap bulan sebanyak RM240.50 turut disediakan," katanya sebagai menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk pada sesi Soalan Lisan sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini baru-baru ini.

Pada masa sama, Zi Sen turut menekankan bahawa beberapa agensi lain, termasuk Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Zakat MAINPP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), juga terlibat dalam menyokong penjagaan dialisis.

